



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pendidikan Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <https://jpt.mohe.gov.my>

Ruj Kami: JPT.S(BPKI)2000/018/07/01Jld.6 (6)
Tarikh : 13 Mei 2026

SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/ Prof.,

PINDAAN DOKUMEN TADBIR URUS BAGI PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN DI BAWAH DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (DP KPT)

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas dan surat bertarikh 31 Mac 2026, rujukan JPT.S(BPKI)2000/018/07/01Jld.5(56) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelanjutan tempoh projek penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) adalah dibenarkan melebihi enam (6) bulan bagi kes-kes yang wajar, di luar kawalan dan dianggap kritikal. Selaras dengan penemuan dan teguran oleh Laporan Ketua Audit Negara, pengurusan dana penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi masih memerlukan penambahbaikan dari aspek pemantauan projek, pengurusan kewangan serta pematuhan terhadap tatacara perolehan dan garis panduan yang berkuat kuasa. Antara perkara yang dikenal pasti termasuk kelemahan dalam memastikan perbelanjaan geran dilaksanakan secara berhemah dan mengikut tempoh yang ditetapkan, kegagalan mengurus serta serta ketidakpatuhan terhadap proses penutupan dan pelaporan projek penyelidikan. Oleh yang demikian, semua pihak adalah diminta untuk mematuhi peraturan kewangan, Dokumen Tadbir Urus DP KPT dan syarat geran penyelidikan yang ditetapkan bagi memastikan akauntabiliti, ketelusan serta pematuhan tadbir urus yang berkesan dan mengelakkan sebarang ketidakpatuhan berulang.

3. Untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Dato'/ Prof./ Dr., dengan mengambil kira penemuan dan teguran oleh Audit Negara, perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian:

- (i) Peruntukan geran penyelidikan perlulah dibelanjakan secara berhemah;
- (ii) Tidak dibenarkan membuat perolehan aset/ peralatan dalam tempoh pelanjutan ini (rujuk perkara 3.5.1 dalam Dokumen Tadbir Urus DP KPT Edisi Kelima);
- (iii) Perolehan bahan dan bekalan penyelidikan (vot 27000) hendaklah terhad kepada pelaksanaan penyelidikan dalam skop yang diluluskan serta kegunaannya semasa projek aktif;
- (iv) Tidak dibenarkan mencetak buku dan penerbitan lain yang tiada dalam kertas cadangan penyelidikan asal.
- (v) Mematuhi perkara 2.4.5 (tempoh penyelidikan) dan 3.1.9 (penggunaan peruntukan) dalam Dokumen Tadbir Urus DP KPT Edisi Kelima Januari 2022.

4. Manakala, alasan yang tidak wajar dipertimbangkan bagi pelanjutan tempoh projek penyelidikan, khususnya jika berpunca daripada kelemahan perancangan atau pengurusan dalaman:

- (i) Komitmen lain ketua projek atau ahli penyelidik dalam tempoh yang diluluskan;
- (ii) Kelemahan perancangan dan pelaksanaan projek;
- (iii) Pengurusan kewangan yang tidak cekap;
- (iv) Kelewatan urusan dalaman universiti atau pasukan penyelidik;
- (v) Alasan peribadi tanpa justifikasi kukuh, kecuali kes khas yang disokong dokumen rasmi; dan
- (vi) Ketidakpatuhan kepada garis panduan dan Dokumen Tadbir Urus DP KPT.

5. Perincian pindaan bagi pelaksanaan mekanisme penurunan kuasa yang baharu adalah seperti yang dinyatakan di **Lampiran A** dan senarai semak yang telah disertakan dalam surat bertarikh 31 Mac 2026. **Surat arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2026.** JPT berhak membuat sebarang perubahan atau pindaan kepada arahan ini dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan semasa.

6. Pihak JPT tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang implikasi kewangan, kelewatan pelaksanaan atau apa-apa bentuk ketidakpatuhan yang berpunca daripada kegagalan mematuhi prosedur, syarat dan ketetapan yang ditetapkan dalam surat arahan ini.

7. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ Prof./ Dr. berhubung perkara ini amat dihargai bagi memastikan pengurusan dan pemantauan projek penyelidikan di bawah DP KPT dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN)

SENARAI EDARAN

1. YBrs. Prof. Ir. Dr. Kaharudin bin Dimyati
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Aras 8, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR
2. YBrs. Prof. Dr. Habibah binti A. Wahab
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Sains Malaysia
Aras 6, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800 PULAU PINANG
3. YBrs. Prof. Dr. Ismanizan Ismail
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Aras 6, Bangunan Canselori
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
SELANGOR
4. YBrs. Prof. Dr. Zamberi Sekawi
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
SELANGOR
5. YBrs. Prof. Dr. Rosli Bin Md. Illias
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
JOHOR
6. YBrs. Prof. Dr. Mohamed Aslam bin Mohamed Haneef
Timbalan Rektor (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
P.O. Box 10, Jalan Gombak
50728 KUALA LUMPUR
7. YBrs. Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR
8. YBrs. Prof. Dr. Ram Al-Jaffri Saad
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
KEDAH

9. YBrs. Prof. Ts. Dr. Suriani binti Abu Bakar
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
PERAK
10. YBrs. Prof. Ir. Dr. Siti Noor Linda Taib
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Sarawak
Penthouse, Bangunan CAUH Kampus Barat
94300 Kota Samarahan
SARAWAK
11. YBrs. Prof. Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu
SABAH
12. YBrs. Prof. Ts. Dr. Rabiah Binti Ahmad
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat
JOHOR
13. YBrs. Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin bin Abdullah@Polity Ak Kria
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus
TERENGGANU
14. YBrs. Prof. Dr. Zahriladha bin Zakaria
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
MELAKA
15. YBrs. Prof. Ts. Dr. Aida binti Mustapha
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Pahang Al- Sultan Abdullah
26600 Pekan
PAHANG
16. YBrs. Prof. Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Perlis
Tingkat 4, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi
01000, Kangar
PERLIS

17. YBrs. Profesor Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam Hj. Mohamad Isa
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pejabat Pentadbiran Canselori
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN
18. YBrs. Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Kota, Pengkalan Chepa Beg Berkunci No. 01
16300 BACHOK
KELANTAN
19. YBrs. Prof. Ts. Dr. Shukor bin Abd Razak
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
TERENGGANU
20. YBrs. Prof. Dr. Aidy bin Ali
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Aras Bawah, Bangunan Kompleks Pengurusan Penyelidikan
Kem Sungai Besi
57000 KUALA LUMPUR

LAMPIRAN A

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KEPADA UNIVERSITI AWAM BAGI PELAKSANAAN PEMANTAUAN PROJEK
PENYELIDIKAN DI BAWAH DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (DP KPT) RMK-12
(KEMASKINI PADA 1 MEI 2026)**

BIL	PERKARA	PERINGKAT KELULUSAN			
		FRGS	PRGS	LRGS	TRGS
1.	Perubahan skop dan objektif (dalam tempoh 6 bulan pertama penyelidikan)	JPT	JPT	JPT	JPT
2.	Perubahan metodologi	JPT	JPT	JPT	JPT
3.	Pelanjutan tempoh maksimum enam (6) bulan selepas tarikh tamat asal projek. Pelanjutan khas yang melebihi tempoh tersebut hanya boleh dipertimbangkan bagi kes-kes kritikal atau luar jangka.	JKPU	JKPU	JPT	JPT
4.	Tukar Ketua Program	Tidak berkenaan		JPT	JPT
5.	Tukar Ketua Projek	RMC	RMC	JKPU	JKPU
6.	Penambahan/ pengguguran ahli projek	RMC	RMC	RMC	RMC
7.	Pindah vot/ peruntukan (sekali bagi setiap tahun pelaksanaan projek)	RMC (≤50%)	RMC (≤50%)	JKPU (≤50%)	JKPU (≤50%)
		JKPU (>50%)	JKPU (>50%)	JPT (>50%)	JPT (>50%)
8.	Perubahan jenis item bagi bekalan dan bahan penyelidikan (vot 27000)	RMC (≤RM1000)	RMC (≤RM1000)	RMC (≤RM1000)	RMC (≤RM1000)
		JKPU (>RM1000)	JKPU (>RM1000)	JKPU (>RM1000)	JKPU (>RM1000)
9.	Perubahan jenis item: - sewaan (vot 24000) - aksesori dan peralatan (vot 35000)	JKPU	JKPU	JKPU	JKPU

BIL	PERKARA	PERINGKAT KELULUSAN			
		FRGS	PRGS	LRGS	TRGS
10.	Tambah butiran baharu	JKPU	JKPU	JPT	JPT
11.	Persidangan ke luar negara (diluluskan dalam kertas penyelidikan)	JKPU	Tidak berkenaan	JKPU	JKPU
12.	Pindaan output (dalam tempoh 6 bulan pertama penyelidikan)	JKPU	JKPU	JPT	JPT
13.	Lantikan GRA bukan warganegara	JKPU	Tidak berkenaan	JKPU	JKPU
14.	Penamatan projek	JKPU	JKPU	JPT	JPT
15.	Tarik diri	JPT	JPT	JPT	JPT
16.	Pindah peruntukan dari vot 11000 (tertakluk kepada syarat tidak menjejaskan pencapaian KPI bakat yang telah ditetapkan).	JKPU	JKPU	JKPU	JKPU

Catatan: Penetapan syarat dan kriteria adalah tertakluk kepada Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) Edisi Kelima.